

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(III)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

28. Apakah perancangan dan program Kerajaan Negeri dalam usaha membantu FAP bagi meningkatkan prestasi Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang yang semakin merosot?.

**YB. SOON LIP CHEE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Perancangan dan program Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan prestasi Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) adalah seperti berikut :-

- (i) Kerajaan Negeri sedang dalam perbincangan untuk menyelesaikan sebahagian daripada hutang FAP;
- (ii) Menyediakan pelan tindakan (*way forward*) rancangan jangka masa pendek dan panjang untuk program pembangunan bola sepak di Pulau Pinang bersama pihak-pihak yang berkepentingan;
- (iii) Penglibatan EXCO dalam pengurusan FAP;
- (iv) Memantau perkembangan FAP secara berkala bagi memastikan status kewangan dan prestasi FAP dalam Liga Perdana, Liga Super dan Liga FAM adalah terkawal;
- (v) Menyediakan perkhidmatan sains sukan dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bagi meningkatkan daya tahan serta prestasi fizikal pemain; dan
- (vi) Melaksanakan program penyediaan atlet pelapis dan atlet negeri dengan kerjasama MSNPP dan Jabatan Belia dan Sukan.